

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : ATURCARA KONTRAK &
TAKSIRAN

KOD KURSUS : BBE 32802

PROGRAM : 3 BBV

TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2013/JANUARI 2014

MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN : JAWAB SOALAN S1 DAN
TIGA (3) SOALAN LAIN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **TIGA(3)** MUKA SURAT

SULIT

S1 Konkrit padu (1:2:4: - 20 mm batu baur) **digaul dengan mesin** penggaul untuk lantai bawah (unit meter padu).

Binakan kadar kos bagi 1.0 meter padu konkrit tersebut.

Maklumat-maklumat di bawah adalah berkaitan:

1.0 meter padu simen	=	28.4 kampil
1.0 kampil simen	=	RM 20.00
1.0 meter padu pasir	=	RM 25.00
1.0 meter padu batu baur	=	RM 30.00
Upah seorang pekerja am untuk satu hari (2 orang pekerja digunakan)	=	RM 60.00
Jangka masa yang diambil oleh buruh untuk mengangkut, menuang dan menggetar 1.0m ³ konkrit	=	5.0 jam
Mesin penggaul disewa sebulan (Sewaan berdasarkan hari bekerja sahaja)	=	RM 2,000.00
Hari bekerja sebulan	=	25 hari
Insuran mesin penggaul setengah tahun (Anggap satu bulan ialah 30 hari)	=	RM 1,000.00
Daya pengeluaran mesin penggaul (9/6)	=	5.0 m ³ /jam
1.0 liter minyak disel	=	RM 2.50
1.0 liter minyak pelincir	=	RM 10.00

Calon dibenarkan membuat andaian dan anggaran sendiri jika maklumat yang diberikan di atas tidak mencukupi tetapi hendaklah bersesuaian dengan kadar kerja sebenar di tapak binaan.

(25 markah)

S2 (a) Terangkan dengan jelas serta berikan kebaikan-kebaikan dan keburukan-keburukan apakah yang dimaksudkan dengan:

- i) Tender Terpilih
- ii) Tender Perundingan
- iii) Projek Turnkey (Pusing Kunci)

(15 markah)

(b) Dokumen tawaran yang disediakan adalah untuk kegunaan kontraktor bagi meletakkan harga tawarannya. Senaraikan jenis-jenis dokumen tawaran yang perlu dilengkapkan oleh pihak kontraktor.

(10 markah)

S3 Kontrak adalah satu perjanjian yang terjalin apabila satu pihak bersetuju menerima tawaran dari pihak lain. Huraikan dengan jelas beserta contoh lima (5) prinsip kontrak yang perlu difahami oleh kedua-dua pihak.

(25 markah)

S4 Unit kadar adalah bagi mata benda kerja yang dikira pada unit ukuran tertentu di mana ianya meliputi kesemua harga – harga yang mempengaruhi kos seperti bahan, buruh, peralatan, pengurusan dan perolehan kepada syarikat. Dasar-dasar kadar bina harga meliputi perkara-perkara di bawah:

- i. Kos bahan
- ii. Kos buruh
- iii. Kos loji dan kelengkapan
- iv. Kos pengurusan
- v. Kadar keuntungan

Huraikan dengan ringkas setiap dasar kadar bina harga tersebut yang digunakan untuk mendapatkan kadar harga setiap kerja dalam pembinaan.

(25 markah)

S5 Objektif pembinaan sesuatu projek banyak berkisar dalam konteks kos, masa dan kualiti. Ini bermakna pihak pemilik mahukan projek yang dilaksanakan menepati kos yang dipersetujui atau peruntukan yang diberi disiapkan dalam masa yang telah dijanjikan serta mempunyai kualiti yang munasabah dan boleh diterima. Penilaian tender merupakan satu proses yang penting untuk memastikan kontraktor yang dipilih dapat melaksanakan kerja dengan jayanya. Bincangkan lima (5) faktor yang diambil kira dalam memilih kontraktor untuk sesuatu projek pembinaan.

(25 markah)

S6(a) Terangkan dengan jelas beserta contoh apakah yang dimaksudkan dengan:

- i) Penimbangtara
- ii) Wang Provisional
- iii) Wang Kontigensi

(15 markah)

(b) Dapatkan anggaran kos 1 meter padu konkrit (nisbah 1:3:6) **digaul dengan tangan** berdasarkan maklumat-maklumat penting yang diberikan di bawah:

1 meter padu simen	28.4 kampak
1 beg simen	RM18.000
1 meter padu pasir	RM25.00
1 meter padu batu baur	RM 30.00
Upah buruh sehari	RM25.00
Pembaziran dan pengecutan konkrit	50%
Peratus keuntungan	20%
Angkatap buruh	2.5 jam/meter padu

(10 markah)

SOALAN TAMAT